

# UPM tak mahu terlalu optimis

**M**ESKIPUN memegang status sebagai universiti yang melahirkan atlet kebangsaan berwibawa, Universiti Putra Malaysia (UPM) masih berpijak di bumi nyata dengan mengambil pendekatan realistik di temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2012 yang membuka tirainya, malam tadi.

"Ini berikutan, kami tidak tahu latar belakang pasukan dari universiti lain terutamanya dari kolej komuniti, politeknik dan kolej swasta.

"Diakui UPM meletakkan sasaran juara keseluruhan tetapi kami ingin bersikap realistik dalam meletakkan jangkaan dan enggan terlalu optimis," kata ketua kontinjen UPM, Dr Hanafiah Ayub.

Antara bintang dilahirkan UPM adalah pemain utama skuad bola sepak negara, Mahali Jasuli (*gambar*), juara wushu dunia, Chai Fong Ying dan atlet lawan pedang Yu Peng Kean yang turut ke Olimpik London, baru-baru ini.

Mengula lanjut, Hanafiah berkata, UPM menjadikan acara memanah, ragbi, renang, karate dan badminton sebagai sasaran menuai pingat emas.



"Secara realistik kami meletakkan jangkaan untuk mengutip 40 pingat emas tetapi akur dengan cabaran lawan yang pastinya muncul dengan strategi masing-masing," katanya.

Selepas tujuh kejohanan utama anjuran Kementerian Pengajian Tinggi tahun ini iaitu Kejohanan Futsal Varsiti,

Liga Bola Sepak Varsiti, Kejohanan Golf Varsiti, Kejohanan Ping Pong Varsiti, Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa, Perlumbaan Bot Varsiti dan Kejohanan Bola Keranjang Varsiti, UPM kini menduduki tangga ketujuh pungutan pingat dengan mengumpul dua emas.